

|             |                       |            |         |
|-------------|-----------------------|------------|---------|
| Headline    | BEREMBANG KELIP-KELIP |            |         |
| MediaTitle  | Utusan Malaysia       |            |         |
| Date        | 26 Jan 2015           | Language   | Malay   |
| Circulation | 178,211               | Readership | 534,633 |
| Section     | Supplement            | Page No    | 5to7    |
| ArticleSize | 2592 cm <sup>2</sup>  | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 155,097            |            |         |
|             |                       |            |         |



ISNIN 26.01.15

UTUSAN MALAYSIA

**Sains**  
@com



Pohon berembang di tebing Sungai Selangor terutama di Kampung Kuantan perlu dikekalkan kerana itu adalah habitat utama kelip-kelip. Jika habitat itu terus diteroka manusia tanpa dikawal, tidak mustahil serangga unik itu akan lenyap

**BEREMBANG  
KELIP-KELIP**

|             |                       |            |         |
|-------------|-----------------------|------------|---------|
| Headline    | BEREMBANG KELIP-KELIP |            |         |
| MediaTitle  | Utusan Malaysia       |            |         |
| Date        | 26 Jan 2015           | Language   | Malay   |
| Circulation | 178,211               | Readership | 534,633 |
| Section     | Supplement            | Page No    | 5to7    |
| ArticleSize | 2592 cm <sup>2</sup>  | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 155,097            |            |         |

**sains**

**FAKTA > 2350**

Pokok berembang ditanam sejak 2006.

**10**

Sampan baharu yang disediakan oleh TNB pada tahun 2014.

# Mengekalkan khazanah alam

TNB bantu kekalkan habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan

**K**ELIP-kelip merupakan salah satu khazanah alam anugerah Allah yang begitu istimewa dan perlu dihargai.

Boleh mengeluarkan cahaya daripada ekornya terutama jika dilihat pada waktu malam, unikunya, cahaya bioluminasi yang dihasilkan oleh kelip-kelip ini berfungsi untuk komunikasi antara mereka iaitu untuk menarik pasangan atau mencari mangsa.

Berasal daripada keluarga *lampyridae*, kelip-kelip amat menyukai pokok berembang yang dahannya sering terjuntai di tebing sungai.

Di Malaysia, koloni kelip-kelip paling besar terdapat di tebing Sungai Selangor di Kampung Kuantan, malah ia antara yang terbesar di dunia dan telah menjadi daya penarik utama pelancongan ke Kuala Selangor.

Industri pelancongan kelip-kelip yang bertaraf antarabangsa di Daerah Kuala Selangor dikhuatiri akan terhapus berikutan kepupusan ketara populasi serangga berkenaan.

Menurut laporan Ketua Audit Negara 2008, aktiviti pertanian pinggir sungai menjadi punca kepada kemusnahan hutan di kawasan itu yang menjadi habitat bagi pembiakan kelip-kelip.

Menyedari akan hakikat tersebut, baru-baru ini bertempat di Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Kuala Selangor, seramai 35 pelajar jarak jauh (PJ), Universiti Utara Malaysia (UUM) PACE cawangan Kuala Lumpur telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan program penanaman 100 batang anak pokok berembang.

Program tersebut yang dinaungi Tenaga Nasional Berhad (TNB) diadakan dengan kerjasama UUM, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Menurut Ketua Pegawai Korporat TNB, **Datuk Wira Roslan Ab. Rahman**, program tersebut yang lebih dikenali sebagai *Jom Tanam Pokok Berembang* merupakan satu program yang dianjurkan untuk menjayakan inisiatif Program Perhubungan Komuniti dan Sosial malah ia merupakan salah satu komponen utama program komuniti TNB di pusat pelancongan tersebut.

Tambah beliau, tujuan utama program penanaman pokok berembang bersama para pelajar UUM ini adalah bagi mengiktiraf peranan mereka sebagai 'duta kecil' kepada komuniti di seluruh negara dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar.

"Program anjuran TNB ini menzahirkan komitmen syarikat yang mementingkan pemuliharaan alam sekitar dengan konsep



**ROSLAN AB RAHMAN**



Ini juga sejajar dengan hasrat pengurusan syarikat yang mahu melihat TNB berperanan lebih besar dalam menzahirkan pelbagai projek atau aktiviti yang mempunyai kaitan dengan pemeliharaan alam sekitar atau *green related projects*.

memasyarakatkan aktiviti di pusat pelancongan ini.

"Ini juga sejajar dengan hasrat pengurusan syarikat yang mahu melihat TNB berperanan lebih besar dalam menzahirkan pelbagai projek atau aktiviti yang mempunyai kaitan dengan pemeliharaan alam sekitar atau *green related projects*.

"Selain itu, anak syarikat kami iaitu TNB Research Sdn. Bhd. juga aktif menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai habitat dan populasi kelip-kelip di kawasan ini dan kini kajian tersebut telah memasuki fasa ketiga iaitu mengukur tahap keberkesanan kajian fasa pertama dan fasa kedua sebelum ini yang bermula pada tahun 2007 dan mereka akan memantau perkembangan ekologi secara berkala di samping mengadakan pelbagai aktiviti berkonsepkan pendidikan dari semasa ke semasa," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurut Pengarah Projek Komuniti UUM, **Dr. Ibrahim Abdul Aziz**, projek tersebut diadakan bertujuan untuk mengekalkan habitat populasi serangga berkenaan di samping memenuhi keperluan mata pelajaran Pembangunan Masyarakat yang perlu diambil ketika semester keempat.

Katanya, program tersebut secara tidak langsung akan memberi pendedahan kepada para pelajar bagaimana untuk terlibat dengan masyarakat setempat dan juga alam sekitar.

"Program ini secara tidak langsung memberikan kesedaran kepada

masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar di samping mempromosikan pusat pelancongan kelip-kelip Kampung Kuantan ini sebagai salah satu lokasi pelancongan menarik.



PARA peserta program *Jom Tanam Pokok Berembang* menggunakan cangkul untuk mengorek lubang bagi menanam pokok berembang di Kampung Kuantan, Kuala Selangor, Selangor.



PESERTA program gigih menanam anak pokok berembang.

|             |                       |            |         |
|-------------|-----------------------|------------|---------|
| Headline    | BEREMBANG KELIP-KELIP |            |         |
| MediaTitle  | Utusan Malaysia       |            |         |
| Date        | 26 Jan 2015           | Language   | Malay   |
| Circulation | 178,211               | Readership | 534,633 |
| Section     | Supplement            | Page No    | 5to7    |
| ArticleSize | 2592 cm <sup>2</sup>  | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 155,097            |            |         |

**2012**

Kali terakhir program diadakan bersama pelajar tajaan Yayasan Tenaga Nasional.

**4**

Skop dilaksanakan TNB iaitu penambahbaikan infrastruktur, publisiti dan promosi, program kemasyarakatan serta kajian dan penyelidikan.

**sains**



"Pemuliharaan kelip-kelip ini juga sebenarnya merupakan satu simbolik komitmen TNB kepada MDS dan masyarakat setempat selain memulihara kesinambungan kitaran hidup serangga tersebut untuk tatapan generasi akan datang.

"Pada masa yang sama projek ini dilaksanakan adalah kerana pokok berembang ini merupakan makanan dan habitat utama untuk pembiakan kelip-kelip di sini dan ia juga adalah salah satu program untuk mengekalkan habitat serangga unik ini," tuturnya lanjut.

Sementara itu, Ketua Projek Komuniti, Pusat Pengajian Sekitaran dan Sumber Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Madya Dr. Norela Sulaiman** berkata, Kampung Kuantan yang mempunyai koloni kelip-kelip antara yang terbesar di dunia secara semula jadi telah menjadi daya tarikan utama pelancong ke Kuala Selangor.

Untuk itu ulasnya lagi, populasi kelip-kelip dan keadaan ekosistem di sepanjang tebing Sungai Selangor yang menampungnya adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian.

"Penanaman pokok berembang adalah penting kerana kelip-kelip amat menyukai pokok ini yang merupakan habitat mereka.



**DR. IBRAHIM ABDUL AZIZ**

"Pokok ini memerlukan cuaca yang lembab dan persekitaran yang berpayau dan pokok berembang ini ialah sejenis pokok bakau.

"Jadi penanaman pokok berembang ini adalah bertujuan untuk meningkatkan semula populasi pokok ini selain meningkatkan lagi populasi kelip-kelip yang sedia ada," katanya.

Sejak tahun 2006, TNB telah melaksanakan empat skop inisiatif iaitu penambahbaikan infrastruktur, publisiti dan promosi, program kemasyarakatan serta kajian dan penyelidikan di Pusat Pelancongan Kelip-Kelip di Kampung Kuantan.

Dengan bertemakan *Powering A Green Nation*, program ini dianjurkan dengan konsep memasyarakatkan aktiviti di pusat ini dengan memulakan pengisian penanaman pokok berembang kemudian diikuti dengan gotong royong seterusnya menyusuri sungai Selangor untuk melihat sendiri keindahan kelip-kelip di pesisir sungai Kampung Kuantan ini.

Yang pasti, program-program sebegini bukan sekadar mampu memelihara populasi kelip-kelip yang hampir pupus malah keindahan panorama kelip-kelip di sungai tersebut akan berterusan pada setiap masa.

## Apa kata mereka

"PROGRAM PROGRAM sebegini seharusnya dikekalkan kerana pokok berembang ini perlu menepati jumlah habitat kelip-kelip setiap masa. Sudah pasti program sebegini bagus kerana dapat menyemai rasa cinta dalam kalangan generasi muda terhadap alam sekitar. Program sebegini seharusnya membabitkan semua pihak dan tidak hanya melibatkan pelajar atau pun generasi muda." - **AZAHARI SAIRIN**, Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor.



"PROGRAM ini juga dilihat satu keperluan yang penting kerana tanpa pokok berembang kehidupan kelip-kelip tidak lengkap. Populasi berembang yang sihat juga menyumbang kepada kestabilan ekosistem yang secara langsung menyokong perkembangan populasi kelip. Program ini sangat bagus dalam usahameningkatkan lagi populasi kelip-kelip kerana selain merupakan habitatnya, nektar pokok berembang juga merupakan sumber makanan kepada kelip-kelip dewasa. Oleh yang demikian, usaha sebegini harus diteruskan pada masa akan datang dan tidak hanya terhenti begitu sahaja." - **SHAHRI MOD HUSIN**, Penyelidik Kanan, TNB Research Sdn. Bhd.

"MELALUI program penanaman pokok berembang ini, ia secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan dan meningkatkan taraf pendapatan penduduk di daerah Kuala Selangor ini. Pada masa yang sama, kewujudan kelip-kelip ini menjadikan Kampung Kuantan salah satu tempat pelancongan yang dikunjungi pelancong-pelancong luar dan tempatan. Atas alasan itulah kita harus memelihara habitatnya untuk terus mengekalkan keindahan semula jadi ini." - **SHAHRI ADLAN AHMAD**, 39.



"PENDEDAHAN dengan alam sekitar merupakan satu perkara yang bagus terutama sekali kepada orang-orang seperti saya yang pertama kali 'terjebak' dengan program-program sebegini. Pada masa yang sama saya juga ingin melihat populasi kelip-kelip terus bertambah seterusnya dapat bertahan untuk generasi akan datang. Yang penting, usaha sebegini perlu dalam usaha memelihara khazanah alam yang dilihat semakin pupus." - **NOR AZAT AHMAD**, 28, Ketua Projek dan juga pelajar Universiti Utara Malaysia Pace cawangan Kuala Lumpur.

"POKOK berembang amat penting kepada kelangsungan habitat kelip-kelip kerana ia menjadi tumbuhan perumah utama untuk serangga itu mengawan. Untuk itu, program-program sebegini amat penting dalam usaha memelihara serangga ini agar tidak pupus. Dan secara jujurnya, program sebegini adalah satu pengalaman yang sukar didapati dan sudah pasti ia merupakan satu pengalaman manis." - **NORHIDAYU IBRAHIM**, 26, pelajar Universiti Utara Malaysia Pace cawangan Kuala Lumpur.



**DR. NORELA SULAIMAN** yang turut mengambil bahagian dalam program *Jom Tanam Pokok Berembang* di Kampung Kuantan, Kuala Selangor, baru-baru ini.



**PESERTA** yang mengambil bahagian pada Program *Jom Tanam Pokok Berembang* anjuran TNB bersama UUM PJJ Pace KL di Kampung Kuantan, Kuala Selangor, Selangor.